

**PERUBAHAN SOSIAL GENERASI KEDUA FELDA DARIPADA ASPEK
EKONOMI. SATU KAJIAN KES DI FELDA SUNGAI SIBOL, JOHOR**

MAHADIR BIN AHMAD

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**PERUBAHAN SOSIAL GENERASI KEDUA FELDA DARIPADA ASPEK
EKONOMI. SATU KAJIAN KES DI FELDA SUNGAI SIBOL, JOHOR**

MAHADIR BIN AHMAD

**Laporan projek ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian daripada
syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pendidikan dan Pembangunan)**

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

JANUARI 2014

DEDIKASI

Memanjat Kesyukuran Kehadrat Allah S.W.T

Buat Isteri tercinta

Miskiah binti Ligiman

Sentiasa memberi semangat dan berkorban untuk kejayaan ini

Buat arwah ayahanda dan bonda

Haji Ahmad bin Abdul Ghani dan Hj. Munah binti A. Hamid

Pesanan mu sentiasa menjadi azimat

Buat Anak-anakku tersayang

Misha Atikah, Mirza Muammar dan Mizan Muzaffar

Sumber inspirasi dan memahami perjuangan ini

Dr. Hj. Zainudin bin Hassan

Tunjuk ajar akan sentiasa dalam ingatan

Teman-teman seperjuangan yang banyak memberi bantuan dan sokongan

PENGHARGAAN

Syukur ke atas Allah S.W.T yang maha mengetahui lagi maha pengasih. Akhirnya saya dapat melaksanakan kajian penyelidikan ini mengikut masa yang telah ditetapkan. Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Dr. Hj. Zainudin bin Hassan selaku penyelia yang banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan daripada peringkat awal cadangan hinggalah ke peringkat terakhir penyelidikan ini.

Penghargaan yang teristimewa buat isteri yang tercinta, arwah ayahanda dan bonda tersayang serta anak-anak yang dikasihi yang telah memberi semangat, sokongan, kekuatan dan nasihat. Ucapan terima kasih saya kepada Guru Besar SK Bandar Tenggara 2, En. Abdul Hamid bin Redzuan dan guru-guru yang telah memberi kerjasama.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada responden kajian di Felda Sungai Sibol, Johor yang telah memberi kerjasama dalam penyelidikan ini. Akhir sekali, kepada mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam proses menyiapkan tesis master ini.

ABSTRAK

Felda merupakan sebuah organisasi yang ditubuhkan oleh kerajaan untuk membangunkan kawasan luar bandar. Penubuhan Felda berperanan membantu masyarakat peneroka menjalani kehidupan yang lebih sempurna. Sumbangan Felda menampakkan kejayaan terutama generasi kedua Felda. Namun sehingga kini tidak terdapat kajian yang dilakukan terhadap perubahan sosial yang berlaku ke atas generasi kedua Felda. Kajian ini bertujuan untuk menyelidik perubahan sosial yang dialami oleh generasi kedua Felda daripada aspek ekonomi. Kajian yang menggunakan reka bentuk kualitatif di laksanakan di Felda Sungai Sibol, Johor sebagai kajian kes. Kajian dimulakan dengan reka bentuk kualitatif iaitu kaedah temu bual secara individu bersama sepuluh orang responden terdiri daripada enam orang responden lelaki (60%) dan empat orang responden perempuan (40%) yang dipilih secara rawak bertujuan. Data temu bual kualitatif telah dianalisis dengan kaedah ketepatan menggunakan pakej *Transana 2.0*. Dapatan kajian kualitatif menunjukkan bahawa terdapat proses perubahan sosial yang berlaku daripada aspek perubahan ekonomi, taraf pekerjaan dan taraf pendapatan dalam kalangan generasi kedua Felda. Berasaskan kajian ini beberapa cadangan dikemukakan iaitu melihat aspek pembangunan modal insan generasi kedua Felda.

ABSTRACT

Felda is a Malaysian government agency initially founded the resettlement of rural poor into newly developed areas. Felda helped the settlers to have a better living. It contributed a lot thus we could see the success of the first and the second generation of Felda settlers. There is still no study on the social changes second generation of Felda. The purpose of this study is to examine the social changes in economic aspects that occur among second generation of Felda. A total of ten respondents from Felda Sungai Sibol, Johor were involved in this qualitative research where six or sixty percents of them were men and four or forty percents were women. The interview respondents were chosen randomly. *Transana* Package 2.0 was used to analyse the data gathered from the qualitative interview. Research findings indicate that there are some significant changes occurs in the as a result of economic changes, standard of work and income levels among second generation of Felda. Recommendations for Human Capital Development of Felda second generation are also provided.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	ABSTRAK	vii
	ABSTRACT	viii
	ISI KANDUNGAN	ix
	SENARAI JADUAL	xv
	SENARAI RAJAH	xvi
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Persoalan Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.7 Definisi Konsep dan Operasi Kajian	7
	1.7.1 Perubahan Sosial	7
	1.7.2 Ekonomi	10

	1.7.3 Masyarakat FELDA	11
	1.7.4 FELDA	12
	1.8 Kerangka Konsep Kajian	15
	1.9 Penutup	16
2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	17
	2.2 Perubahan Sosial	17
	2.3 Kajian Lepas	20
	2.4 Rumusan Kajian Lepas	25
	2.5 Penutup	26
3	METODOLOGI KAJIAN	
	3.1 Pengenalan	27
	3.2 Reka Bentuk Kajian	27
	3.2.1 Kaedah Kualitatif	28
	3.3 Persampelan Kajian	31
	3.3.1 Teknik Sampel	32
	3.3.2 Lokasi Kajian	34
	3.4 Kaedah Pengumpulan Data	34
	3.4.1 Temu bual	34
	3.4.2 Protokol Temu Bual	39
	3.5 Analisis Data	42
	3.5.1 Analisis Data Deskriptif Kualitatif	42
	3.5.2 Peringkat Transkripsi	45
	3.5.3 Peringkat Organisasi Data	45

3.5.4	Peringkat Pelaziman Data	46
3.5.5	Peringkat Pengkodan (Koding)	46
3.5.5.1	Pengkodan Terbuka	49
3.5.5.2	Pengkodan Terpilih	51
3.5.6	Peringkat Tema	52
3.5.7	Penetapan Kod	52
3.6	Kajian Rintis	53
3.7	Teknik Keabsahan Data	54
3.8	Etika Kajian	56
3.9	Penutup	57
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	58
4.2	Demografi Responden Kajian	59
4.3	Responden Kajian Kualitatif	59
4.4	Bagaimana Ekonomi Mempengaruhi Perubahan Sosial Generasi Kedua Felda?	60
4.4.1	Perubahan Pengalaman Hidup Generasi Kedua Felda	61
4.4.2	Perubahan Kemudahan Yang Diperolehi Generasi Kedua Felda	63
4.4.3	Perubahan Pendapatan Generasi Kedua Felda	64
4.4.4	Perubahan Infrastruktur Generasi Kedua Felda	66
4.4.5	Perubahan Memiliki Harta Benda Generasi Kedua Felda	67

4.5	Apakah Perubahan Sosial Membawa Kepada Perubahan Taraf Pekerjaan Generasi Kedua Felda	68
4.5.1	Perubahan Pendidikan Dalam Generasi Kedua Felda	68
4.5.2	Perubahan Dalam Jumlah Pendapatan Generasi Kedua Felda	69
4.5.3	Perubahan Dalam Kemahiran Generasi Kedua Felda	70
4.6	Apakah Perubahan Sosial Membawa Kepada Perubahan Pendapatan Generasi Kedua Felda	72
4.6.1	Perubahan Dalam Perbelanjaan Generasi Kedua Felda	72
4.6.2	Perubahan Dalam Hasil Jualan Generasi Kedua Felda	73
4.6.3	Perubahan Dalam Pekerjaan Sampingan Generasi Kedua Felda	74
4.7	Adakah Terdapat Kesan Peningkatan Taraf Ekonomi Dalam Kalangan Generasi Kedua Felda	75
4.7.1	Perubahan Dalam Kesan Peningkatan Taraf Ekonomi Berdasarkan Kualiti Hidup Generasi Kedua Felda	76
4.7.2	Perubahan Dalam Kesan Peningkatan Ekonomi Berdasarkan Pekerjaan dan Pendapatan Generasi Kedua Felda	77
4.7.3	Perubahan Dalam Kesan Peningkatan Taraf Ekonomi Berdasarkan Peranan Felda Terhadap Generasi Kedua Felda	78

4.8	Adakah Terdapat Kesan Peningkatan Taraf Pendapatan Dalam Kalangan Generasi Kedua Felda	79
4.8.1	Perubahan Dalam Kesan Peningkatan Taraf Pendapatan Dalam Kalangan Generasi Kedua Felda Berdasarkan Daripada Aspek Kewangan	80
4.8.2	Perubahan Dalam Kesan Peningkatan Taraf Pendapatan Dalam Kalangan Generasi Kedua Felda Daripada Aspek Berpersatuan	81
4.9	Penutup	82
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	84
5.2	Rumusan Dapatan Kajian	85
5.2.1	Ekonomi	85
5.2.1	Taraf Pekerjaan	85
5.2.3	Taraf Pendapatan	86
5.2.4	Kesan Peningkatan Ekonomi	86
5.2.5	Kesan Peningkatan Taraf Pendapatan	86
5.3	Perbincangan	87
5.3.1	Latar Belakang Respondan	87
5.3.2	Perubahan Sosial Membawa Kepada Perubahan Ekonomi Generasi Kedua Felda	87
5.3.3	Perubahan Sosial Membawa Kepada Perubahan Taraf Pekerjaan Generasi Kedua Felda	89
5.3.4	Perubahan Sosial Membawa Kepada Perubahan	90

	Taraf Pendapatan Generasi Kedua Felda	
5.3.5	Perubahan Sosial Dalam Kesan Peningkatan Ekonomi Generasi Kedua Felda	92
5.3.6	Perubahan Sosial Dalam Kesan Peningkatan Taraf Pendapatan Generasi Kedua Felda	93
5.4	Implikasi Kajian	95
5.4.1	Implikasi Perubahan Sosial Kepada Generasi Kedua Felda	96
5.4.2	Implikasi Kepada Felda	96
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	97
5.6	Penutup	98
	RUJUKAN	99
	LAMPIRAN	
	Lampiran A-B	111-113
	DASAR – DASAR FELDA	

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
1.1	Bilangan Peneroka Mengikut Negeri	16
3.1	Teknik-Teknik Utama Temu bual	38
3.2	Contoh Dokumen Temu bual dan Pengkodan Terbuka	48
3.3	Contoh Pengkodan Terbuka Mengikut Responden	50
3.4	Contoh Pengkodan Terbuka Mengikut Kod	51
4.1	Latar belakang Responden Yang Di Temu Bual	59

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
1.1	Kerangka Konsep Kajian	16
3.1	Prosedur Kajian	31
3.2	Prosedur Pembinaan Protokol Temu bual	40
3.3	Proses Analisis Data Kualitatif	43
3.4	Pemprosesan Data-data Kualitatif	44
3.5	Prosedur Pengecualian Data Kualitatif	47
3.6	Contoh Sistem Koding Data Temu bual	53
5.1	Peta Minda Perubahan Ekonomi Generasi Kedua Felda	88

5.2	Peta Minda Perubahan Sosial Dalam Taraf Pekerjaan Generasi Kedua Felda	90
5.3	Peta Minda Perubahan Taraf Pendapatan Generasi Kedua Felda	91
5.4	Peta Minda Kesan Peningkatan Ekonomi Generasi Kedua Felda	93
5.5	Peta Minda Kesan Peningkatan Taraf Pendapatan Generasi Kedua Felda	95

SENARAI LAMPIRAN

NO LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Protokol Soalan Temu Bual	115
B	Borang Latar Belakang Generasi	
	Kedua Felda	117
	Dasar – Dasar Felda	

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Setiap masyarakat akan mengalami perubahan sosial terutama daripada aspek ekonomi. Ekonomi dan masyarakat menjadi kayu pengukur untuk menilai sama ada sesuau masyarakat itu maju atau mundur. Pembangunan manusia cuba mewujudkan antara hubungan perkembangan pendapatan dengan perkembangan pilihan yang terdiri bukan sahaja dari aspek ekonomi malahan merangkumi aspek pendidikan, kesihatan dan kebebasan politik. Pendekatan ini tidak menolak kepentingan pertumbuhan ekonomi kerana aspek ini penting difokuskan dalam pembasmian kemiskinan. Justeru itu, pertumbuhan ekonomi dianggap sebagai sub-set kepada paradigma pembangunan manusia (Nor Aini, 1999).

Peranan Felda dalam membangunkan ekonomi masyarakat Felda merupakan satu contoh yang terbaik. Selepas berakhirnya darurat pada tahun 1960, kerajaan telah melancarkan Rancangan Pembangunan Luar Bandar melalui Buku Merah yang diterajui Allayarham Tun Abdul Razak Datuk Hussein. Ketika itu Allayarham merupakan Menteri Pembangunan Luar Bandar telah memberi tugas dan peranan yang lebih aktif kepada Felda untuk membantu penduduk miskin. Bermula dari detik

inilah Felda membangunkan tanah secara besar-besaran dan menempatkan penduduk di kawasan baru.

Tujuan kerajaan membangunkan tanah mengikut peruntukan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 ialah supaya pulangan ekonomi dinikmati oleh peneroka melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Felda. Dengan demikian akan lebih terjamin faedah-faedah yang diperolehi oleh penduduk-penduduk atau pemilik-pemilik tanah di kawasan tersebut. Sistem pentadbiran, khidmat pertanian, infrastruktur, kemudahan awam dan institusi-institusi sosial yang disediakan oleh Felda dapat meningkatkan kualiti hidup peneroka (Dasar-Dasar Felda, 2012).

Dalam kajian ini perubahan sosial generasi kedua Felda dikaji untuk melihat perubahan yang dialami dalam kalangan masyarakat generasi kedua Felda, yang lebih penting, pertumbuhan ekonomi dapat diagihkan kepada anggota masyarakat melalui dasar awam. Rancangan pembukaan tanah adalah antara program yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk membantu golongan miskin.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti persoalan utama yang menjadi agenda penubuhan Felda, sama ada masyarakat peneroka generasi kedua telah berjaya dibangunkan daripada aspek sosioekonomi dan seterusnya mampu menyumbangkan kepada pembangunan negara. Berdasarkan objektif kajian, persoalan utama yang hendak dikaji berkaitan perubahan sosial daripada aspek ekonomi, taraf pendapatan, taraf pekerjaan dan melihat kesan peningkatan taraf ekonomi dan kesan pendapatan generasi kedua Felda (Dasar-Dasar Felda, 2012).

Selain itu, kajian ini meneroka latar belakang kehidupan generasi kedua Felda sebagai satu kajian berdasarkan masalah atau kesulitan yang dialami.

Di Malaysia, Felda ditubuhkan bagi memajukan tanah untuk dijadikan kawasan pertanian yang produktif dan memaksimumkan hasil yang bermutu disamping membangunkan penempatan penduduk yang dilengkapi dengan kemudahan asas dan sosial yang lain. Peneroka diberi tanah seluas sepuluh ekar atau 4.1 hektar untuk ditanam dengan tanamam komoditi dan suku ekar tanah disediakan untuk tapak kediaman.

Kesan secara langsungnya ialah para peserta berpeluang memperbaiki taraf ekonomi keluarga mereka melalui aktiviti tanaman walaupun kadang kala pendapatan mereka terjejas akibat kejatuhan harga di pasaran. Walaupun mereka telah diberikan dengan segala kemudahan belum tentu mereka dapat merubah kehidupan mereka menjadi lebih baik. Pendapatan yang tidak tetap pada ketika itu memberi kesan kepada kehidupan mereka. Masalah yang dihadapi ini adakah telah berubah terhadap generasi kedua Felda atau pun mereka masih tetap sama dengan seperti kedua ibu bapa mereka.

Perubahan sosial yang dilalui dalam kalangan generasi kedua Felda dapat dilihat daripada aspek ekonominya. Berdasarkan pengalaman yang dilalui pada waktu dahulu dan masa kini terdapat perbezaan atau pun tidak. Generasi pertama pada masa itu adalah susah daripada segi ekonomi. Begitu juga dengan kualiti kehidupan mereka. Berdasarkan masalah yang telah dilalui oleh ibu bapa mereka, adakah terdapat perubahan yang berlaku kepada generasi kedua Felda setelah mereka hidup lebih kurang 30 tahun di Felda.

Begitu juga, masalah pekerjaan yang terdapat di kawasan Felda adalah berbeza pada waktu dahulu, sama ada generasi kedua Felda mendapat peluang

pekerjaan yang lebih baik berbanding ibu bapa mereka. Generasi kedua Felda mendapat pekerjaan setanding dengan mereka yang tinggal di bandar. Berdasarkan masalah yang dinyatakan ini, maka kajian yang dijalankan ingin melihat sama ada berlakunya perubahan sosial terhadap generasi kedua Felda.

1.3 Pernyataan Masalah

Tingkat pendapatan yang tinggi dan pekerjaan yang baik dapat menunjukkan sama ada masyarakat Felda terutama generasi kedua mengalami perubahan sosial. Masalah yang dihadapi oleh peneroka mempunyai kaitan dengan generasi kedua Felda. Di sebalik kejayaan Felda mengubah pembangunan tanah luar bandar dan taraf ekonomi peneroka, sebenarnya agensi itu gagal terhadap generasi kedua yang kini mencapai 70 peratus daripada 1.5 juta populasi keseluruhan peneroka diseluruh negara (Mohamad Hasan, 2004). Hal ini terjadi kerana terlalu bergantung kepada hasil ladang. Generasi kedua tidak perlu bergantung kepada hasil ladang semata-mata. Ini adalah kerana pendapatan melalui hasil ladang dipengaruhi oleh nilai semasa di pasaran (Nor Aini, 2004).

Menurut Tan (1992), jumlah pendapatan yang diterima oleh seseorang individu bergantung kepada usaha, kemahiran dan peluang yang wujud. Namun, fokus utama beliau adalah untuk mengenal pasti peluang-peluang yang tersedia yang menjadi penentu kepada pendapatan. Tan telah membahagikan sampel kepada beberapa kumpulan iaitu petani padi, nelayan, penoreh getah, pekebun kecil kelapa, pekerja bergaji dan kumpulan pertengahan. Beliau mendapati peluang yang ada adalah bergantung kepada struktur pengeluaran dan pasaran. Kumpulan miskin terdiri daripada mereka yang terlibat dalam aktiviti pertanian secara kecil-kecilan, aktiviti keluarga besar kecil dan menjadi buruh tidak mahir. Menurut Lim (1971), pendapatan purata adalah secara relatifnya rendah dalam aktiviti sektor pertanian dan wujud hubungan korelasi positif yang kuat antara pendapatan dengan pencapaian

pendidikan individu. Berdasarkan pernyataan ini, kajian melihat kepada taraf pendapatan yang diperolehi generasi kedua Felda dengan melihat persoalan kajian yang telah dinyatakan.

Kajian Sourushe (1999), cuba mencari faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya perbezaan pendapatan di kalangan ketua isi rumah wanita di Amerika. Hasil kajian tersebut beliau mendapati ketidakseimbangan berlaku kerana faktor bangsa dan pendidikan. Ketua isi rumah wanita yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi telah menyumbang ke arah pengurangan keadaan ketidakseimbangan dalam jangka panjang bagi wanita kulit putih dan hitam. Walau pun ketidakseimbangan banyak berlaku di kalangan wanita kulit hitam. Berdasarkan pernyataan yang diterangkan, iaitu melihat kepada pendidikan yang diterima oleh generasi kedua Felda untuk mendapat pekerjaan yang lebih baik setelah tamat belajar.

Bett (1998), cuba melihat kesan standard pendidikan ke atas tingkat pendapatan dan agihan. Menurut beliau secara umumnya, peningkatan dalam standard pendidikan akan meningkatkan upah golongan yang berjaya memasuki standard tersebut manakala upah bagi mereka yang tidak mampu mencapai standard tersebut tidak akan berubah. Ini bermakna peningkatan dalam standard pendidikan akan meluaskan jurang ketaksamaan. Berdasarkan maklumat yang diberikan ini, kajian melihat kepada tahap pendidikan yang diterima oleh generasi kedua Felda meningkatkan lagi jumlah pendapatan yang diperolehi mereka. Begitu juga dengan pemodenan sektor pertanian sama ada berjaya memperkasakan ekonomi para generasi kedua Felda. Sehubungan dengan itu, berdasarkan pernyataan masalah ini, kajian ini ingin mengkaji perubahan sosial dalam kalangan generasi kedua Felda berdasarkan persoalan kajian.

1.4 Objektif Kajian

Beberapa objektif telah disenaraikan dalam melaksanakan kajian ini antaranya ialah:

1. Menerangkan perubahan sosial dalam kalangan generasi kedua Felda dari aspek Ekonomi.
2. Mengenal pasti perubahan taraf pekerjaan dalam kalangan generasi kedua Felda.
3. Mengenal pasti perubahan taraf pendapatan dalam kalangan generasi kedua Felda.
4. Mengenal pasti kesan peningkatan ekonomi dalam kalangan generasi kedua Felda.
5. Mengenal pasti terdapat kesan taraf pendapatan dalam kalangan generasi kedua Felda.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian, beberapa persoalan bertujuan menjawab objektif kajian disediakan berdasarkan pernyataan di bawah:

- i. Bagaimana ekonomi mempengaruhi perubahan sosial generasi kedua Felda?
- ii. Apakah perubahan sosial membawa kepada perubahan pendapatan generasi kedua Felda?

- iii. Apakah perubahan sosial membawa kepada perubahan pekerjaan generasi kedua Felda?
- iv. Adakah terdapat kesan peningkatan ekonomi dikalangan generasi kedua Felda?
- v. Adakah terdapat kesan peningkatan taraf pendapatan dalam kalangan generasi kedua Felda?

1.6 Kepentingan Kajian

Pertama kepentingan kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti perubahan sosial yang berlaku dalam kalangan generasi kedua Felda daripada aspek ekonomi yang melibatkan taraf pekerjaan dantaraf pendapatan. Sejauhmanakah perubahan yang dialami oleh mereka ini terjadi. Kedua kepentingan kajian ini untuk melihat peranan Felda dalam membangunkan ekonomi generasi kedua Felda.

1.7 Definisi Konsep dan Operasi Kajian

1.7.1 Perubahan Sosial

Perubahan sosial secara umumnya dapat diertikan sebagai suatu proses pergerakan atau perubahan struktur di dalam masyarakat yang lebih inovatif, sikap serta kehidupan sosialnya yang lebih baik. Perubahan yang terjadi dalam masyarakat

pada dasarnya merupakan suatu proses yang terus-menerus, ini berarti bahwa setiap masyarakat akan mengalami perubahan-perubahan. Perubahan yang terjadi antara masyarakat dengan masyarakat yang lain tidak selalunya sama (Mohd. Salleh, 2007).

Terdapat masyarakat yang mengalami perubahan yang lebih cepat apabila dibandingkan dengan masyarakat yang lain. Perubahan tersebut merupakan perubahan-perubahan yang tidak menonjol atau tidak menampakkan adanya perubahan. Terdapat juga perubahan-perubahan yang prosesnya lambat dan perubahan yang berlangsung dengan cepat (Roucek dan Warren, 1986).

Menurut Alvin L. Bertrand (1972), perubahan sosial pada dasarnya tidak boleh diterangkan atau berpegang teguh pada faktor yang tunggal. Manakala menurut Robin Williams (1960) pula, berkaitan dengan satu faktor sudah ketinggalan zaman dan ilmuan sosiologi moden tidak akan mengguna pakai interpretasi-interpretasi satu pihak yang mengatakan bahawa perubahan itu hanya disebabkan oleh satu faktor sahaja. Oleh itu jelaslah, bahawa perubahan yang terjadi pada sesuatu masyarakat disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya dan berkait rapat dengan sesuatu yang kompleks.

Menurut Ismail (2001) dan Roucek dan Warren (1979), mendefinisikan perubahan sosial sebagai sebarang penyesuaian yang berlaku pada pola-pola interaksi antara individu-individu dalam sesebuah masyarakat. Manakala, Roucek dan Warren (1986) dan Rozalli (2005) menyatakan bahawa perubahan sosial adalah perubahan yang berlaku terhadap masyarakat dari satu tingkat kehidupan ke satu tingkat kehidupan yang lain.

Mohd. Salleh (2007), Abercrombie, Hill dan Tuner (2000), membahagikan perubahan sosial kepada dua tahap iaitu tahap mikro dan makro. Tahap makro ialah perubahan sikap individu, tingkah laku individu dan pola interaksi, Tahap makro pula ialah merujuk kepada bagaimana sesebuah kumpulan yang besar seperti institusi

mengalami perubahan. Menurut Amir Hassan (2002), perubahan sosial ialah perbezaan antara sekarang dan sebelum.

Ini disokong oleh Moore (1986), bahawa perubahan dilihat sebagai berterusan iaitu sesuatu yang lebih daripada perbezaan antara dahulu dan kemudian, ini bermakna semua yang berlaku bergantung kepada jangka masa yang tertentu. Masyarakat terpaksa menyesuaikan dirinya dengan kehidupan yang baru atau berusaha untuk mengembalikan keadaannya yang asal bergantung pada masyarakat itu sendiri. Menurut Brookover dan Erickson (1975), sistem pendidikan ialah sebahagian daripada masyarakat yang berubah.

Terdapat beberapa pengertian perubahan sosial menurut pakar. Menurut William F. Ogburn (1922), ruang lingkup perubahan-perubahan sosial meliputi unsur-unsur kebudayaan yang baik sama ada material atau imaterial. Beliau menekankan pengaruh besar unsur-unsur kebudayaan material terhadap unsur-unsur immaterial. Kingley Davis (1958), pula mendefinisikan perubahan sosial sebagai perubahan-perubahan yang terjadi dalam struktur dan fungsi masyarakat. Perubahan sosial merupakan perubahan dalam hubungan sosial atau sebagai perubahan terhadap keseimbangan hubungan sosial (Maclver, 1969).

Ilmuan Gilin dan Gilin (1954), menyatakan bahawa perubahan sosial sebagai suatu variasi dan cara hidup yang telah diterima baik oleh masyarakat kerana perubahan kondisi geografi, kebudayaan, komposisi dinamik penduduk, ideologi atau pun kerana adanya penemuan-penemuan baru dalam masyarakat. Selo Soemardjan (1974), pula menerangkan bahawa perubahan sosial adalah segala perubahan pada lembaga kemasyarakatan dalam sesuatu masyarakat yang mempengaruhi sistem sosialnya termasuk dalam nilai-nilai, sikap dan pola perlakuan di antara kelompok-kelompok dalam masyarakat.

Maka jelaslah bahawa pengertian perubahan sosial dapat didefinisikan sebagai perubahan-perubahan yang terjadi pada masyarakat Felda terutamanya generasi kedua, yang merangkumi perubahan daripada aspek-aspek struktur daripada sesuatu masyarakat atau kerana terjadinya perubahan dari segi berubahnya komposisi penduduk, keadaan geografi, ekonomi serta berubahnya sistem hubungan sosial dan masyarakat.

1.7.2 Ekonomi

Istilah ekonomi berasal dari bahasa Yunani iaitu '*oikosnamos*' bermaksud 'manajemen urusan rumah tangga'. Terdapat beberapa definisi yang diberikan antaranya menurut Albert L Meyers,(Abdullah, 1992), ilmu ekonomi adalah ilmu yang mempersoalkan kepuasan dan keperluan manusia.

Menurut J.L.Meiji, (Abdullah, 1992), mengemukakan bahawa ilmu ekonomi adalah ilmu tentang usaha manusia ke arah kemakmuran. Menurut Samuelsen dan Nordhaus (1990), mengemukakan, ilmu ekonomi merupakan belajar tentang perilaku orang dan masyarakat dalam memilih cara menggunakan sumber daya yang terbatas dan memiliki beberapa alternatif penggunaan, dalam rangka memproduksi berbagai komoditi dan disalurkan untuk masa depan kepada berbagai individu dan kelompok yang ada dalam suatu masyarakat.

Perubahan sosial daripada aspek ekonomi merupakan proses berubahnya sistem masyarakat yang meliputi perubahan kehidupan ekonomi masyarakat tersebut. Hal tersebut meliputi perubahan pendapatan, pekerjaan dan peningkatan taraf hidup. Kajian yang dijalankan ada kaitan dengan perubahan sosial daripada aspek ekonomi yang dialami oleh masyarakat Felda iaitu generasi kedua.

Kejayaan ekonomi pertamanya dapat dilihat melalui generasi pertama yang menyertai Felda. Penghijrahan mereka ke kawasan rancangan Felda memberi peluang kepada peneroka ini mengubah status kemiskinan keluarga (Nor Aini, 2004). Kebanyakan generasi pertama yang masih hidup hanya tinggal separuh dengan usia 50 hingga 60 tahun telah diambil alih oleh anak mereka iaitu generasi kedua.

Setelah merdeka dan tercetusnya Peristiwa 13 Mei 1969. Kerajaan mula sedar bahawa pembahagian ekonomi antara kaum menjadi agenda utama yang perlu ditangani. Bagi membangunkan ekonomi orang Melayu yang jauh ketinggalan berbanding bangsa lain. Melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang secara langsung bagi meningkatkan penguasaan Melayu dalam bidang ekonomi maka Felda sekali lagi menjadi pemangkin utama untuk mewujudkan kestabilan ekonomi masyarakat peneroka dan generasi kedua.

Generasi kedua Felda diseluruh negara perlu menceburi industri berasaskan hasil pertanian yang mampu meningkatkan taraf sosioekonomi mereka dan ia untuk mengelak mereka daripada tidak lagi bergantung kepada usaha menanam kelapa sawit dan getah yang telah dilakukan generasi sebelumnya (Abdullah, 2004).

1.7.3 Masyarakat Felda

Masyarakat Felda atau peneroka merujuk kepada mereka yang dipertanggungjawabkan oleh kerajaan di dalam sesebuah kawasan tanah rancangan sebagai tuan yang mendapat hak milik yang perlu diusahakan. Peneroka termasuklah isteri dan anak-anak jika peneroka asal sudah tiada.

Kajian ini dijalankan di Felda Sungai Sibol terletak di Mukim Ulu Sungai Johor. Felda ini termasuk di daerah Bandar Tenggara, Johor. Felda Sungai Sibol telah

dibuka pada tahun 1973. Penduduknya adalah seramai 411 orang. Terdiri daripada 406 orang penduduk Melayu iaitu 98.8 peratus. Penduduk India seramai 4 orang iaitu 0.98 peratus dan seorang penduduk Cina iaitu 0.4 peratus. Semua peneroka mengusahakan tanaman ekonomi kelapa sawit (Dasar-Dasar Felda, 2012).

Kawasan tanah rancangan ini menerima kemudahan asas yang cukup termasuk sekolah, klinik, bekalan air dan elektrik, telefon dan jalan raya. Malah peneroka juga telah menikmati kampung tanpa wayar satu Malaysia. Kerajaan telah menyediakan sebuah sekolah Menengah, sebuah sekolah kebangsaan, sebuah sekolah agama dan sebuah sekolah Tadika Kemas untuk pendidikan anak-anak peneroka. Mereka juga mudah membuat pelbagai aktiviti setelah terbinanya dewan serbaguna.

Pada 11 Mac 2003, peneroka Felda Sungai Sibol telah menerima hak milik tanah yang seluas sepuluh ekar. Jawatan Kuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) yang diselia oleh Felda telah ditukar kepada Jawatan Kuasa Kemajuan Kampung (JKKK) yang diselia oleh Kerajaan Negeri Johor. Peneroka di Felda ini adalah di bawah kawasan pentadbiran Felda Wilayah Johor Bahru. Felda Sungai Sibol termasuk di dalam kawasan Parlimen Tenggara dan kawasan DUN Panti.

Melalui aktiviti pertanian peneroka Felda Sungai Sibol berjaya meningkatkan taraf hidup keluarga mereka disamping mengembangkan perniagaan dan ternakan. Kepelbagaian aktiviti ekonomi dalam kalangan peneroka telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi mereka.

1.7.4 FELDA

Felda atau Lembaga Kemajuan tanah Persekutuan telah ditubuhkan pada tahun 1956 .Perdana Menteri kedua iaitu Allahyarham Tun Abdul Razak bin Dato

Hussein telah mengasaskan Felda. Tun Abdul Razak amat prihatin terhadap masalah kemiskinan masyarakat luar bandar dan komited untuk melihat perubahan keadaan ekonomi dan sosial masyarakat luar bandar. Visi Felda ialah menjadi peneraju industri sawit dunia dan warga peneroka menjadi golongan berpendapatan pertengahan.

Misi Felda ialah menjadikan pengurusan Felda bertahap "*World Class*" dan menjadi pelaku global, pengeluaran kelapa sawit dan getah terbaik dunia. Peneroka memperoleh pendapatan yang stabil, keluarga peneroka mempunyai tahap pendidikan yang sesuai, menikmati kemudahan infrastruktur yang moden dan memiliki persekitaran yang harmoni dan sejahtera (Dasar-Dasar Felda, 2012).

Tun Abdul Razak terus memacu ekonomi luar bandar dan membela rakyat miskin terutama yang tinggal di luar bandar dengan mengemukakan program 20 tahun yang dikenali sebagai Dasar Ekonomi Baru yang diumumkan ketika pelancaran Rancangan Malaysia Kedua(1971-1975). Program ini telah dirangka dengan memasukkan strategi yang bermatlamat untuk menyusun semula masyarakat melayu di luar bandar yang bergantung semata-mata kepada bidang pertanian.

Felda kini menjadi satu entiti besar dan agenda utama pembangunan negara. Sejak ditubuhkan Felda telah membangunkan kawasan seluas 853,313 hektar dan menempatkan seramai 119,180 peneroka. Daripada bilangan ini, seramai 112,635 bersama Felda dan ditempatkan di 317 buah rancangan (Dasar-Dasar Felda, 2012).
Seperti Jadual 1.1

Jadual 1.1 : Bilangan Peneroka Mengikut Negeri

Negeri	Bilangan Rancangan	Sawit	Getah	Jumlah Peneroka
Pahang	115	40,500	2,623	43,123
Johor	73	24,483	3,158	27,641
Negeri Sembilan	49	6,846	9,583	16,429
Terengganu	21	7,133	330	7,463
Perak	17	4,154	1,760	5,914
Kedah	10	108	3,077	3,185
Kelantan	11	3,115	0	3,115
Selangor	4	1,722	207	1,929
Sabah	9	1,649	0	1,649
Melaka	5	801	529	1,330
Perlis	3	0	857	857
Jumlah	317	90,511	22,124	112,635

Sumber : Dasar-Dasar Felda, 2012


Peranan Felda membangunkan tanah secara terkawal dan berkelompok. Kini Felda bukan sahaja menjadi agen pembangunan tanah dan penempatan semula rakyat miskin, tetapi bertanggungjawab melahirkan anggota masyarakat yang produktif disamping menjaga kebajikan peneroka.

Sejak ditubuhkan dianggarkan lebih 700,000 orang generasi kedua telah dilahirkan. Daripada jumlah ini, menurut Presiden Gabungan Wawasan Generasi Felda (GWGF), sebahagian besarnya telah berjaya melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi (IPT). Ini membuktikan Felda berjaya mengatasi masalah kemiskinan luar bandar (Felda, 1999).

1.8 Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian merujuk kepada satu konsep yang berkaitan antara satu sama lain. Dalam cara yang logikal yang berhubung dengan satu-satu fenomena yang dikaji Sabitha (2009). Menurut Lim (2007), kerangka konsep adalah satu koleksi konsep, konstruk atau pemboleh ubah utama yang difikirkan mempunyai hubungan antara satu sama lain yang ingin diselidiki oleh pengkaji.

Kerangka konsep seperti Rajah 1.1 bahagian maklumat diri(Lampiran B) terdiri daripada latarbelakang generasi kedua, jantina, umur dan tempat tinggal. Manakala proses perubahan sosial pengalaman yang telah dialami oleh generasi kedua Felda seperti taraf ekonomi, taraf pekerjaan dan taraf pendapatan. Kesan yang dihasilkan daripada proses tadi dapat dilihat daripada aspek ekonomi maka berlakulah perubahan sosial generasi kedua Felda.

Rajah 1.1 : Kerangka Konsep Kajian

1.9 Penutup

Perubahan sosial amat penting kepada sesebuah masyarakat. Kajian ini telah menggariskan objektif kajian, persoalan kajian, definisi konsep dan operasi kajian. Kepentingan kajian ialah melihat sejauh mana perubahan sosial di kalangan generasi kedua Felda daripada aspek ekonomi untuk melihat perubahan sosial yang berlaku.

RUJUKAN

Abdullah. (1992). *Materi Pokok Pendidikan IPS-2: Buku 1 Modul 1*, Jakarta: Departemen Pendidikan dan Kebudayaan, PPPG Tertulis.

Abdul Hamid Abdullah Rahimah Abdul Aziz Dan Sulong Mohamad, (1987). *Development and Socio-cultural Changes in Rural Malaysia*. Akademika 30(Januari 1987) 29-48.

Abdul Rahim Abdul Rashid (2001). *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur. Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd

Abercombie, Nicholas, Hill. Stephen dan Turner. Bryan S (2000). *The Penguin Dictionary Of Sociology. Fourth Edition*. Penguin Books: London.

Akbar Ibrahim. (2004). *Penyelidikan Kualitatif : Satu Pengenalan Ringkas*. Kuching: PROFES.

Alvin L Betrand. (1972). *Social Organization: A General System Perspective* . Philadelphia F A Davis Company.

Amir Hasan Dawi (2002). *Pentorian Sosiologi Dan Pendidikan : Edisi Kedua*. Tanjung Malim.: Quantum Books.

Betts, J.R (1998). *The Impact of Educational Standars on the Level and Distribution of Earning*. The American Economic Review 88(1), March: 266-75.

Bogdan. Robert C. dan Biklen. Sari. Knopp (2003). *Qualitative Research For Education : An Introduction To Theory And Methods*. Boston : Allyn and Bacon.

Bogdan , R and Biklen,S.K. (1998). *Qualitative Research For Education : An Introduction to Theory and Methods*. Needham Heights, MA : Ally & Bacon.

Bookover. Wilbur B. and Erickson. Edsel.L. (1975). *Sociology Of Education*,
Lilinois: The Dorsey Press.

Bray, Cathy (2008). *Social Change And Diversity Education : A Literature Review*.
Transformative Dialogues : Teaching @ Learning Journal, Vol. 1. Issue 3.

Charmaz, K. (1995). *Grounded theory*. In J. A. Smith, R. Harre, and L. Y.
Langenhove (eds). *Rethinking Methods in Psychology*, 27-48.

Cheu Hock Tong, (1982). *Apa itu Sosiologi ?*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan
Pustaka.

Choong Lean Keaw. (2011). *Asas Penyelidikan Tindakan*. Kuala Lumpur :
Kumpulan Budiman.

Cohen, Louis and Manion, Lawrence dan Marison. Keith (2007). *Research Methods In Education* ; Sixth Edition . New York : Routledge.

Cohen, L. and Manion, L. (1980). *Research Methods in Education*. London : Croom Helm.

Creswell, JW. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design Choosing Among* five edition. Thousand Oaks, CA : Sage Publications.

Creswall, JW. (2008). *Educational Research : Planning, Conducting, And Mixed Methods Approaches*, Third Edition. New Jersey : Pearson Prentice Hall.

Creswell, JW. (2009). *Research Design : Qualitatives, Quantitatif And Mixed Methods Approaches* : SAGE Publications.

Creswell, JW. (2005). *Educational Research ; Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* .2nd edition. Upper Saddle River, NJ : Pearson Education.

Davis, Kingsley. (1958). *Human Society*. New York: The Macmillan.

Dayang Tiawa Awang Hamid dan Abdul Hafidz Omar. (2009). *Analisa Data Kualitatif*. Skudai: NasMax.

- DeCuir-Gunbay. Jessica D. (2008). “*Mixed Methods Research In The Social Sciences*” dalam Best Practices In Quantitative Methods Osborne Jason W. (ed). California : SAGE Productions.
- Denzin, N.K (1978). *Sociological Method*. New York : McGraw-Hill.
- Felda. (1999). *Laporan Tahunan 1999*. Kuala Lumpur: Penerbitan Felda.
- Felda.(2012). *Dasar-Dasar Felda*. Kuala Lumpur: Penerbitan Felda.
- Glense, Corrine (2006). *Becoming Qualitative Researchers: An Introduction*. Boston: Pearson Education. Inc.
- Hadriana Marhaeni Munthe, (2007). *Modernisasi dan Perubahan Sosial Masyarakat Dalam Pembangunan Pertanian: Suatu Tinjauan Sosiologis*. Universitas Sumatera Utara Medan. Jurnal Harmoni Sosial, September 2007, Volume II, No.1.
- Hirschman, C. (1976). *The Determinants of Ethnic Inequality in Peninsular Malaysia* UMBC Economic Review 12(1): 25-38.
- Idris Abdul Rahman, (1975). *Kesan Teknologi Moden di Kalangan Kaum Nelayan di Bachok, Kelantan: Satu Kajian Kes*. B.A.(Hons) graduation exercise, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ikmal Said, (1980). *Peranan Pembukaan Tanah Baru Dalam Usaha Membantu*

Ekonomi Bumiputera: Kajian Kes di Felda Lubok Merbau, Kedah. B.A (Hons) graduation exercise, Department of Geography, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Mohamad et al(2007). *Laporan awal Persepsi Majikan Terhadap Graduan*

Space UTM. Kertas Kerja Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM, Johor Bahru.

“Kamus Dewan Edisi Ketiga” (1997) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan Pendidikan : Pendekatan Kuantitatif Dan*

Kualitatif. Shah Alam : McGraw-Hill.

Lim Lim Lean. (1971). *Some Aspects of Income Differential in West Malaysia.*

Kuala Lumpur: Universiti Malaya

Lincol, Y.S and Guba, E.G. (1985). *Naturalistic Inquiry.* Newbury Park, CA : Sage

Publications.

Mason, Jennifer. (1996). *Qualitative Researching.* London : SAGE Productions.

Merriam, Sharan B. (1990). *Case Study Research In Education : A Qualitative*

Approach. San Francisco : Jossey-Bass Publishers.

Merriam, S.B. (1998). *Qualitative Research And Case Study Application In*

Education. San Francisco : Jossey-Bass.

Miles, M.B. and Huberman, A.M. (1994). *Qualitative Data Analysis*. 2nd edition.
ThousandOaks, CA : Sage Publications.

Mohammad Najib Abdul Ghafar. (2004). *Dinamika Sistem Pendidikan Tinggi*.
Skudai Penerbit UTM.

Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai : Penerbit
UTM.

Mohd Najib Abdul Ghaffar, Zainudin Hassan, Mahani Mokhtar dan Abdul Rahim
Hamdan (2011). *Perubahan Sosial yang dialami oleh Mahasiswa Semasa
Mengikuti Pendidikan Formal di Universiti*. Jabatan Asas Pendidikan, Fakulti
Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.

Mohd Salleh Lebar (1998). *Pengenalan Ringkas Sosiologi Sekolah dan Pendidikan*.
Batu Caves: Thinker's Library Sdn. Bhd.

Mohd Sobri Md. Nor (2005). *Persepsi dan Pemahaman Masyarakat Luar Bandar
Semenanjung Malaysia Terhadap Globalisasi*. Universiti Putra Malaysia,
Selangor.

Moore. Wilbert E.(1986). *Perubahan Sosial*. Terjemahan Cheu Hock Tong. Kuala
Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Noraini Idris (2004). *Mobiliti Sosial di Kalangan Generasi Kedua Felda*. Akademika
64 (Januari). 2004: 83-95.

Noraini Haji Idris. (1999). *Isu Gender dalam Konteks Pembangunan Insan: Ke Arah Satu Penyelesaian. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Ekonomi Pembangunan di Alaf Baru: Cabaran dan Tujahan*. Anjuran Fakulti Ekonomi, Universiti Kebangsaan Malaysia, 16-17 Julai, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Noraziah Ali, Noorzah Zakaria, Mohd Azlan Abdullah (2007). *Pembangunan Pendidikan dan Kelasterian Sumber Manusia di Felda* (Educational Devwlopment and Sustainably of Human Resources in Felda) Jurnal Volume 5. Number 1. 82-93, 2010. ISSN: 1823-884x.

Nor Hayati Sa'at (2011) *Mobiliti Sosial Dalam Kalangan Komuniti Pesisir Pantai : Kajian Kes Di Kuala Terengganu*. Faculty of Social Development , Universiti Malaysia Terengganu, Kuala Terengganu, Terengganu. Kajian Malaysia, volume 29, supp, 1, 2011, 95-123.

Olsen, W. (2004). *Triangulation In Social Research; Qualitative And Quantitative Methods Can Really Be Mixed*. In M. Holborn (ed). Developments in Sociology. Ormskirk : Causeway Press.

Ogburn William Fielding. (1922). *Social Change With Respect to Culture and Original Nature*. New York: B.W. Huebsch.

Patton. Michael Quinn (2002). *Qualitative Research And Evalution Methods* : 3 Edition. California : SAGE Publications.

Piotr Sztompka. (2007). *Sosiologi Perubahan Sosial*. Jakarta: Pernerda Modus Group.

Robert Morrison Maclver. (1969). *Politics and Society*: New York: Atheton Press.

Rogers, Alan (2005). *Non-Formal Education : Flexible Schooling Or Participatory Education?* New York : Springer Science Business Media, Inc.

Roucek, Joseph. S. dan warren, Roland, L.(1986). *Sosiologi : Suatu Pengenalan Terjemahan*. Mohammad Hj . Yusuf, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Rozalli Hashim(2005). *Pengurusan Pembangunan*. Kuala Lumpur : DBP.

Rusidi, H. (2000). *Sosiologi Pedesaan Dalam Pemahaman Aspek sosial Budaya Masyarakat Bagi perencanaan dan Penerapan Teknologi*. Makalah disampaikan dalam Pelatihan Pemahaman Aspek sosial Budaya Masyarakat dalam Perencanaan dan Penerapan Teknologi, bandung, 28 Februari-30 April 2000.

Sabitha Marican (2009). *Penyelidikan Sains Sosial : Pendekatan Pragmatik*. Batu Caves : Edusystem Sdn. Bhd.

Samuelson, Paul,A. dan Nordhaus, William, D.(2003) *Ekonomi, Jilid 1*,
Diterjemahkan Oleh Jaka Wasana, Jakarta: Erlangga.

Shank, Gary D. (2006). *Qualitative Research : A Peronal Skills Approach* Second Edition. New Jersey : Person Merrill Prentice Hall.

Shaiful Azlan Abdul, Mazlina Ahmad Zayead, Maziah Mohamad Arif (2008).

Faktor-faktor Penyumbang Kepada Masalah Penghijrahan dan Implikasinya Kepada Masyarakat Felda: Satu Kajian di Felda Gugusan Jengka Lepar Pada Tahun 2006. Institut Penyelidikan, Pembangunan dan Pengkomersilan Universiti Teknologi Mara, 40450. Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Shiren Mardziah Hashim (1998). *Income Inequality in Malaysia.* Rowman & Littlefield Publisher Inc.

Shore, Ray (2008). *Learning, Learning Communities And Globalisation: Policy Development And Its Impact On Implementation.* Information For Social Change. Number 28 Winter 2009/09.

Silverman, David. (2006). *Interpreting Qualitative Data : Third Edition.* London : SAGE Publications.

Soemardjan Selo dan Soelman Soemardi(1974) *Setangaki Bunga Sosologi,* Jakarta, Lembaga Penerbitan Fakultas Ekonomi Universitas Indonesia,

Sourushe Zandvakili.(1999). *Income Inequality in Malaysia.* Rowman & Littlefield Publisher Inc.

Stake Robert E. (2005). *Qualitative Case Studies dalam The Sage Handbook of Qualitative Research : Third Edition.* California : SAGE Publications.

Strauss. Anselm dan Corbin. Juliet (1998). *Basics of Qualitative Research (Second Edition).* California : SAGE Publications.

Sufean Hussin. (1996). *Pendidikan Di Malaysia: Sejarah, Sistem Dan Falsafah*.

Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains Sosial*.

Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Tangian. S.A. (2001). *Higher Education In The Perspective Of The Twenty-First*

Century. Russian Social Science Review, Vol. 42, no. 5.

Tan Tat Wai. (1982). *Income distribution in West Malaysia*. Kuala Lumpur: Oxford

University Press.

Ting Chew Peh.(1985). *Konsep Asas Sosiologi*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan

Pustaka.

Ting Len Siong, Ahmad Sabry Othman, Ting Hun Yong.(2013). *Penyelidikan*

Tindakan Dalam Pendidikan. Kuala Lumpur : Freemind Horizons.

Tylor. Steven. J dan Bogdan. Robert (1998). *Introduction To Qualitative Research*

Methods Third Edition. New York : John Wiley&Son. Inc.

Wan Abdul Manan Wan Muda. (1994). *Metamorfosis Akademia Malaysia dalam*

Jurnal Pendidikan Tinggi-Higher Educatioan. Vol. 1.

Wan Hashim Wan The. (1986). "*Perubahan Sosial : Teori-Teori Klasik Dan*

Moden"Dalam Jurnal Antropologi dan Sosiologi Jilid 14, ms.39

Wan Maziah Wan Mamat, (1979). *Kemajuan Teknologi dan Pengaruhnya Terhadap Perubahan Sosio Ekonomi Masyarakat Tani: Satu Kajian Kes Petani-Petani Padi di Daerah Wakaf Baharu, Kelantan*. B.S (Hons) graduation exercise. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Yeap Keng Leng, (2000). *Kajian Kualitatif : Satu Pengenalan*. Jurnal Keningau, Bil. 3, 25-27.

Yin, Robert K. (1984). *Case Study Research. Design And Methods*. California: Sage Publications, Inc.

William, Robin M. (1960). *American Society: Sociological Interpretation*: New York: Alfred A. Knopf.

Zainal Abidin Mohamed. (ed). (1999). *Pengurusan Strategik di Sektor Pendidikan*. Serdang : Penerbit UPM.

Zainudin Hassan. (2012). *Perubahan Sosial Dan Pembangunan Modal Insan Berkualiti Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam*. Skudai : UTM

Zainudin B. Hassan, Mohd Najib B Abd Ghaffar dan Mohd Hafiz B. Hj Omar (2010). *Perubahan Sosial Di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan, UTM*. Seminar Penyelidikan Pasca Ijazah Edupress 2010, Bilik Seminar Fakulti Pendidikan, UTM.

Zainudin Hassan. (2012). *Perubahan Sosial Dan Pembangunan Modal Insan Berkualiti Dalam Kalangan Mahasiswa Institut Pengajian Tinggi Awam*. Skudai : UTM

Zainudin Hassan, Mohd Najib Abdul Ghaffar (2011). *Perubahan Sosial Di Kalangan Pelajar Fakulti Pendidikan*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia 81310 Johor, Malaysia. Journal Of Edupres, Volume 1 September 2011, pages 197-208.